

**MAHATHIR SEDIA MEMBERIKAN KEPADA  
SESIAPA YANG MAHU MENDENGARNYA**

# Pita rakaman Ku Li mahu 'bunuh' Pas

UM 22 SEP 1990

**CHANGLUN 21 Sept. —**  
**Dato' Sri (Dr. Mahathir Mohamad)** hari ini mendedahkan, beliau mempunyai pita ucapan Tengku Razaleigh Hamzah yang mahu 'membunuh' Pas setelah memenangi pilihanraya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, Presiden Semangat 46 itu menerangkan rancangan untuk menghapuskan Pas dalam mesyuarat khas tertutup parti tersebut di kediamannya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Pita ucapan itu ada pada saya. Sesiapa sahaja anggota Pas yang ingin mendengarnya boleh mendapatkannya," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir pada Perhimpunan Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Changlun di sini.

Beliau berkata, adalah satu kesilapan besar bagi Pas untuk bekerjasama dengan Semangat 46 kerana para pemimpin parti itu hanya mementingkan diri sendiri.

Semangat 46, ujar Perdana Menteri, sedang memasang perangkap untuk membunuh Pas setelah hajat mereka tercapai menerusi pakatan yang diadakan itu.

Beliau berkata, ahli - ahli Pas yang berhasrat untuk bertanding dalam pilihanraya akan datang juga terpaksa melupakan cita - cita tersebut kerana parti itu telah 'menjual' banyak kerusi kepada Semangat 46.

"Tidak ada gunanya para penyokong dan anggota Pas mempertahankan pemimpin mereka yang kini hanya mementingkan kedudukan sendiri," kata Perdana Menteri.

Beliau menjelaskan, Pas telah menyerahkan tidak kurang 60 kerusi Parlimen yang ditandino-

Oleh  
**Rashid Haji Ahmad**

dalam pilihanraya yang lepas kepada Semangat 46 dan DAP semata - mata untuk mendapatkan sokongan kedua - dua parti itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir menasihatkan anggota dan penyokong Pas memasuki UMNO dan menghentikan permusuhan dengan UMNO yang sebangsa dan seagama dengan mereka.

Beliau juga mempelawa mereka yang menyertai Semangat 46 supaya kembali ke pangkuan UMNO untuk mempertahankan kekuatan kuasa politik orang - orang Melayu.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa orang - orang Melayu adalah teras pemerintahan di negara ini dan mereka harus mempertahankan kekuatan politik Melayu.

Beliau gembira kerana semakin banyak penyokong dan anggota Pas di Kedah menyedari penipuan dan penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin parti itu dan mereka kini mula memasuki UMNO.

Sebagai contoh, katanya, para pemimpin Pas dan Semangat 46 telah jauh menyimpang daripada perjuangan asal dan mereka kini hanya mementingkan diri sendiri.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang diiringi oleh isterinya, adalah dalam siri lawatan dua hari ke kawasan Parlimennya, Kubang Pasu, yang berakhir hari ini.